



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**KAJIAN REKABENTUK PEMBUNGKUSAN PRODUK
TEMPE**

Fawizah Bt. Ramli

NC
1002
P33
F279
2006

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keahlian
(Teknologi Senireka)
2006 .

44311012

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000166804

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
04300 Kota Samarahan

KAJIAN REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN PRODUK TEMPE

FAWIZAH BINTI RAMLI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan

Kreatif

(Program Teknologi Senireka Grafik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN
JUDUL: KAJIAN REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN PRODUK TEMPE
Sesi Pengajian 2006/2007

Saya Fawizah bt. Ramli

mengaku membenarkan tesis/laporan* ini di simpan di Pusat Khidmat Maklumat Akaedemik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat- syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Unimas
2. Pusat Khidmat Maklumat Pelajar, Unimas dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Pelajar, Unimas dibenarkan membuat pendigitalan untuk membangunkan Pengkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Pelajar, Unimas dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pangajian Tinggi.
5. * Sila tandakan

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan aperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD (mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan Oleh Organisasi / badan dimana penyelidikan di jalankan)

TIDAK TERHAD

...../29 :
Tandatangan Penulis
Tarikh: 5 Mei 2006
Alamat tetap
Jalan Teratai, Kg Ulu Gali,
27600 Raub, Pahang.

Disahkan:

.....
Tandatangan Penyelia

5 MEI 2006

Perakuan Pelajar

Dengan ini saya mengakui bahawa karya yang bertajuk 'Kajian Reka bentuk Pembungkusan Produk Tempe' ini merupakan hasil usaha pengkaji sendiri, kecuali bahagian- bahagian petikan, pernyataan petikan dan ringkasanyang dinyatakan sumbernya dalam karya ini. Penyerahan hak cipta karya ini adalah kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif(FSGK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk sebarang percetakan atau penerbitan semula pada masa hadapan.

Pengesahan

Projek Tahun Akhir yang bertajuk “Kajian Reka bentuk Pembungkusan Produk Tempe” telah diusahakan dan disediakan oleh Fawizah bt.Ramli sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat- syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Senireka Grafik)

Diterima untuk diperiksa oleh:

Penyelia



.....

(Pn Siti Shukhaila Bt. Shahrudin)

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua- dua ibu bapa saya yang telah memberi sokongan moral dan bantuan kewangan kepada saya. Di samping itu, saya amat berterima kasih kepada semua ahli keluarga saya yang bnyak membantu dan memberi galakan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Siti Shukhaila bt. Shahrudin yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah yang lain seperti Prof, Madya Ahmad Khiri Mohd Zain, En Mastika Lamat, En Ahmad Azaini Abd Manaf, En Sylvester Weiding Jussem, Cik Salmiah, En Louis dan juga kepada pensyarah- pensyarah yang tidak disebutkan namanya di sini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kawan- kawan yang telah memberi bantuan dan semangat kepada saya supaya kajian ini dapat disiapkan tepat pada waktu.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada orang ramai dan sesiapa sahaja yang telah memberikan kerjasama dalam menyiapkan kajian ini dengan lancar.

Pengakuan
Pengesahan
Penghargaan
Kandungan
Abstrak

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN	1
1. Pembungkusan	2-3
2. Sejarah Pembungkusan	4
3. Fungsi Pembungkusan	5-6
4. Elemen- elemen Grafik dalam Pembungkusan	7-9
5. Isu- isu pembungkusan	10-12
6. Produk Tempe	13
7. Reka bentuk Pembungkusan Produk Tempe	14
1.2 Permasalahan Kajian	
1.2.1 Reka bentuk Pembungkusan Produk Tempe	15-18
1.3 Objektif Kajian	19
1.4 Skop Kajian	20

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Pengenalan	
2.1.1 Primer (Sumber Utama)	
a. Borang Soal- selidik	21-22
b. Temuramah atau wawancara	23
c. Pemerhatian	23-24
2.1.2 Sekunder (sumber kedua)	24
2.1.3 Kajian Lepas	25

3.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

3.1 Analisa SWOT	26-27
3.2 Data Analisa	28-34

4.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

4.1 Pendahuluan	35
4.2 Perbincangan	35- 36

4.3 Cadangan

BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN

Abstract

This thesis is focusing on the product packaging of tempe. This scope area is in the Kuching City. This research is done to design and develop tempe's packaging on the element of graphic design.

Abstrak

Tesis ini mengkaji kepentingan pembungkusan reka bentuk sesuatu pembungkusan produk tempe. Skop kajian ini adalah disekitar kawasan Kuching. Selain itu, penyelidikan juga dibuat dengan tujuan menghasilkan rekabentuk pembungkusan yang lebih menarik dan penggunaan elemen- elemen grafik yang berkesan ke atas pembungkusan produk tempe.

1.1 Pengenalan

Kajian yang akan dilakukan adalah **Kajian Reka bentuk Pembungkusan Produk Tempe**. **Tempe** adalah makanan yang dibuat dari kacang kedelai atau kacang soya mentah yang telah dilembutkan dan dipecahkan atau dihancurkan. Tempe mula ditemui pada tahun 1875 dalam sebuah kamus Jawa- Belanda. Menurut manuskrip Serat Centhini yang di tulis pada abad ke- 16 telah menemui tempe. Makanan ini amat terkenal di kalangan orang Jawa. Tempe juga mempunyai banyak khasiat. Di antara khasiat tempe ini adalah mampu menyembuhkan penyakit kanser payudara, prostat dan juga bagi wanita pula ia adalah untuk awet muda. Kajian yang ingin dilakukan adalah untuk mengkaji sejauh mana produk ini mampu diketengahkan di peringkat yang lebih tinggi. Produk ini kurang mendapat perhatian kerana kurangnya promosi dan juga pembungkusan yang kurang menarik. Produk ini terkenal tetapi dari segi pembungkusan ia kurang menarik kerana tidak terdapat elemen- elemen grafik didalam cara pembungkusan produk tersebut.

Penyelidik ingin mengambil peluang untuk menjadikan produk **tempe** ini sebagai **satu** produk yang dikenali ramai dan mempunyai identiti yang tersendiri dari segi pembungkusannya supaya ia mampu dipasarkan di peringkat antarabangsa. Selain itu juga untuk membuat satu pembungkusan yang dapat memberikan ketahanan pada produk **tempe** tersebut. Pembungkusan produk yang biasa terdapat dalam pasaran adalah dalam plastik dan daun pisang bersama- sama dengan suratkhobar.

1. Pembungkusan

Pembungkusan adalah merupakan satu konsep yang digunakan untuk melindungi apa jua produk yang memerlukan pembungkusan kerana setiap produk yang dihasilkan perlu dilindungi. Ini adalah untuk menjamin ketahanan serta keselamatan produk tersebut. Sesuatu pembungkusan perlulah mementingkan aspek- aspek kebersihan dalam pemprosesannya.

Pembungkusan adalah penggunaan bahan- bahan semulajadi atau bahan buatan manusia untuk membungkus sesuatu produk sebelum ia dipasarkan. Pembungkusan mempunyai daya tarikan tersendiri untuk berkomunikasi dengan pengguna. Ini bermaksud sesuatu yang mempunyai warna, ilustrasi, informasi dan juga taipografi yang menarik dan jelas dapat menyampaikan dan menjadi tarikan pembeli.

Reka bentuk pembungkusan bermaksud konsep pembungkusan itu sendiri yang terdiri daripada dua aspek penting iaitu bentuk dan fungsi pembungkusan tersebut. Bentuk (form) bermaksud pembungkusan yang boleh dilihat dan disentuh serta mempunyai rekaan atau ilustrasi yang menarik. Fungsi(function) adalah kegunaan kepada pembungkusan sesuatu produk. Sesuatu reka bentuk pembungkusan yang baik amat bergantung kepada fungsinya. Fungsi dari segi kegunaan semasa, kegunaan selepas diguna, menarik perhatian dan ergonomik.

Pembungkusan yang dibuat harus memberi gambaran yang jelas tentang produk yang ingin dipasarkan. Pembungkusan sesuatu produk yang baik dapat menarik perhatian pengguna untuk membeli. Oleh kerana itu dalam pembungkusan elemen- elemen grafik perlu ditekankan dari segi warna, ilustrasi, taipografi dan rekabentuk. Sesuatu pembungkusan yang baik juga mestilah bersifat mesra alam yang berkonsepkan 3r. 3r yang bermaksud reduce ialah mengurangkan jumlah bahan buangan, reuse ialah bahan yang boleh digunakan semula dan recycle ialah sesuatu bahan itu dapat dikitar semula.

Kesimpulannya, pembungkusan adalah berkait rapat dengan reka bentuk pembungkusan untuk menghasilkan sesuatu pembungkusan yang menarik dan berfungsi melindungi, penghantaran, selamat digunakan serta bertujuan meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa.

2. Sejarah Pembungkusan

Bermula dari zaman pra- sejarah, masyarakat dahulu telah menggunakan bahan semulajadi untuk tujuan penyimpanan dan pembungkusan. Bahan- bahan semulajadi seperti daun, kulit binatang, kulit kayu, buluh dan lain- lain telah digunakan bertujuan untuk membungkus dan menyimpan makanan.

Masyarakat dahulu banyak bergantung kepada alam serta bahan semulajadi untuk menghasilkan produk makanan dan pembungkusan. Bahan semulajadi seperti tanah liat telah digunakan untuk membuat tempayan yang akan digunakan untuk menyimpan makanan sama ada dalam bentuk cecair atau pepejal. Tempayan digunakan bagi mengelakkan makanan dari dicemari oleh serangga perosak dan memudahkan untuk mengangkut. Contoh yang lain adalah nasi lemak dibungkus dalam daun pisang dan kuih muih. Pembungkusan cara lama ini kekal hingga hari ini kerana rasanya lebih enak dan sedap. Ini juga berkaitan dengan kajian saya iaitu produk tempe ada dibungkus dalam daun pisang. Namun, cara pembungkusan ini tidak begitu sesuai kerana ia tidak dapat menjamin keselamatan produk makanan tersebut.

3. Fungsi Pembungkusan Makanan

Sesuatu pembungkusan yang dihasilkan mempunyai fungsi yang tertentu. Diantaranya ialah:

- Untuk melindungi produk dari tercemar
- Mementingkan nilai- nilai estetika(ciri- ciri persekitaran)
- Maklumat mengenai produk:
 - khasiat makanan (jika perlu)
 - cara penyimpanan
 - isi kandungan
 - nama dan alamat pengilang
 - tarikh luput
 - isipadu(bil/ berat bersih)
 - kod bar
 - tanda halal, buatan Malaysia, SIRIM
 - cara menggunakannya
 - imej/ ilustrasi/ taipografi
 - pemberitahuan mengenai produk dalam pelbagai bahasa (jika perlu)
 - dapat melahirkan tanggapan yang baik terhadap sesuatu produk
 - mudah dibawa
 - baik dari segi pembuatan
 - mudah untuk diedarkan / dipasarkan

- senang untuk diproses
- dapat dikitar semula

4. Elemen- elemen grafik dalam pembungkusan

Semua elemen grafik amat penting untuk menghasilkan satu pembungkusan yang unik dan menarik. Antara beberapa elemen- elemen penting yang perlu ada pada sesuatu pembungkusan adalah tanda jenama, taipografi, warna, ilustrasi, reka bentuk, saiz dan maklumat.

Tanda jenama merupakan salah satu elemen grafik yang penting dalam sesuatu pembungkusan. Tanda jenama merupakan nama yang diberi kepada sesuatu produk atau perkhidmatan. Tanda jenama berfungsi untuk memperkenalkan produk atau sesuatu perkhidmatan itu kepada pembeli. Penggunaan taipografi atau huruf serta tanda simbol adalah untuk mencipta satu tanda jenama kepada sesuatu produk. Sesetengah orang lebih suka mengingati simbol daripada nama sesuatu produk tersebut. Jenama penting kepada pengeluar untuk memperkenalkan produk keluaran mereka manakala pembeli memerlukannya untuk membezakan sesuatu produk dengan produk yang lain yang telah sedia ada dipasaran. Penggunaan pelbagai bahasa juga amat digalakkan ini bagi memudahkan pembeli kerana pembeli terdiri daripada pelbagai kaum.

Taipografi merupakan huruf yang amat penting dalam reka bentuk pembungkusan. Penggunaan taipografi untuk menyampaikan maklumat dengan berkesan. Ia dikatakan sedemikian kerana taipografi adalah digunakan untuk memberitahu jenis produk yang dibungkus di dalamnya. Penggunaan taipografi pada sesuatu reka bentuk pembungkusan produk perlu menarik, senang di fahami dan di

ingati oleh pembeli. Selain itu, penggunaan taipografi yang unik dan kreatif dapat menarik perhatian pembeli. Penggunaan taipografi yang digunakan perlu sesuai, tidak terlalu besar atau kecil dan tidak mempunyai corak ini untuk memudahkan pembeli membaca.

Penggunaan warna juga memainkan peranan penting dalam reka bentuk pembungkusan sesuatu produk. Ini adalah kerana warna memainkan peranan penting dalam mewujudkan identiti sesuatu produk. Warna memberi kesan secara langsung kepada reka bentuk pembungkusan sesuatu produk. Oleh itu, pemilihan warna kontras perlu sesuai untuk sesuatu produk supaya dapat memberi gambaran yang baik kepada pengguna dan dapat bersaing dipasaran.

Ilustrasi juga penting dalam mereka bentuk sesuatu pembungkusan. Penggunaan ilustrasi untuk menggambarkan produk yang dibungkus. Ilustrasi atau gambar yang digunakan perlu menarik, unik dan sesuai dengan produk yang dibungkus. Penyusunan ilustrasi perlu kreatif, menarik dan tidak terlalu padat supaya dapat memberi keharmonian kepada reka bentuk pembungkusan sesuatu produk.

Reka bentuk merupakan salah satu elemen grafik yang penting dalam menghasilkan sesuatu pembungkusan. Reka bentuk sesuatu pembungkusan perlu menepati beberapa sifat iaitu ergonomik, mudah dibawa, selamat digunakan, mesra alam dan sebagainya. Perkara yang paling penting bagi sesuatu reka bentuk pembungkusan adalah bersifat ergonomik iaitu tidak mendatangkan kesan negatif

kepada pembeli apabila mereka menggunakannya. Reka bentuk pembungkusan perlu bersesuaian dengan produk yang hendak di bungkus. Contohnya gula, sesuai dibungkus dalam plastik yang bersaiz sederhana dan tebal. Ini adalah untuk memudahkan pembeli mengangkat, dan juga bagi mengelakkan serangga seperti semut memasuki ruang dalam pembungkusan ini. Reka bentuk perlu dibuat mengikut jenis produk supaya ia dapat melindungi produk daripada dicemari dan selamat digunakan. Oleh yang demikian, reka bentuk pembungkusan bukan hanya perlu kelihatan menarik malah perlu mempunyai ciri- ciri keselamatan sebelum sesuatu produk itu dibungkus.

Saiz juga merupakan elemen grafik yang perlu di ambil kira dalam mereka bentuk pembungkusan. Reka bentuk pembungkusan yang berlainan saiz dapat memberi lebih banyak pilihan kepada pembeli. Penentuan saiz kepada sesuatu produk akan mempengaruhi kuantiti sesuatu produk. Contohnya, minyak masak ada pelbagai jenis saiz botol ini adalah kerana untuk memudahkan pembeli untuk membawa dan sekiranya ingin menggunakan dalam jumlah yang kecil.

Selain dari itu, maklumat juga merupakan elemen yang penting dalam mereka bentuk sesuatu pembungkusan. Pada setiap pembungkusan perlu mempunyai maklumat ini adalah bagi menyampaikan maklumat yang perlu diketahui oleh pembeli sebelum membeli sesuatu produk.

5. Isu- isu Pembungkusan

Masalah pencemaran alam sekitar

Masalah pencemaran alam sekitar merupakan isu yang sentiasa dibincangkan dan dipersoalkan. Pencemaran berlaku akibat dari masalah pembuangan dan pembakaran pembungkusan setelah digunakan. Misalnya, pembuangan pembungkusan seperti makanan ringan, roti, gula- gula, pembalut aiskrim terdapat di merata- rata tempat. Pembuangan ini bukan sahaja mencemarkan alam sekitar malah membahayakan kesihatan manusia dan haiwan. Contoh yang sering kita lihat adalah, pembuangan sampah di dalam sungai amat mengotorkan air sungai dan mencemarkan hidupan yang terdapat di dalam sungai. Setelah hidupan ini tercemar manusia pula menangkap hidupan ini untuk dijadikan makanan mereka sedangkan hidupan tersebut telah tercemar kerana sikap manusia itu sendiri yang membuang sampah tidak pada tempat yang betul. Bahan pembungkusan seperti plastik adalah susah untuk dilupuskan. Dengan itu, ada sesetengah pihak menganggap pembakaran adalah satu cara yang baik untuk menghapuskan bahan pembungkusan yang banyak dan tidak berguna lagi.

Pembakaran bahan pembungkusan yang diperbuat daripada bahan kimia akan membebaskan asap- asap beracun yang membahayakan kesihatan manusia dan kehidupan alam semulajadi. Ini adalah salah satu sebab dimana ketidak seimbangan ekosistem berlaku di dunia. Bagi mengatasi masalah ini, pelbagai cara telah di kaji dan dijalankan untuk mengawalinya. Salah satu cara yang sesuai adalah menghasilkan pembungkusan

yang berkonsep mesra alam. Mesra alam ialah penggunaan bahan pembungkusan yang selamat, senang lupus dan dapat dikitar semula. Di antara pembungkusan yang berkonsepkan mesra alam adalah tin minuman, botol dan kertas kerana ia boleh dikitar semula.

Satu kempen kitar semula telah diadakan oleh kerajaan sesuai dengan konsep mesra alam. Kempen ini berkonsepkan 3R iaitu 'Reduce', 'Reuse' dan 'Recycle'. Kerajaan telah menyediakan tiga jenis tong sampah yang berwarna oren, coklat dan hijau. Warna oren adalah untuk pembuangan kaca seperti botol, cermin dan seumpamanya. Warna hijau adalah untuk pembuangan bahan plastik dan kertas seperti suratkhbar lama, botol minyak dan sebagainya. Warna coklat pula digunakan untuk pembuangan tin aluminium seperti tin minuman bergas, tin biskut dan juga tin tepung susu. Tiga jenis tong sampah ini biasanya disediakan di tempat awam seperti sekolah, taman rekreasi, pasar dan lain- lain. Ini adalah untuk menggalakkan orang ramai mengamalkan amalan kebersihan dan cinta kepada alam sekitar yang bersih supaya mereka tidak membuang sampah di merata- rata tempat. Selain daripada itu, ia juga untuk menggalakkan pengeluar menggunakan bahan kitar semula sebagai pembungkusan kepada produk yang hendak mereka pasarkan.

Masalah pembungkusan berlebihan(overpackaging)

Pada masa kini, pembungkusan memainkan peranan yang penting. Oleh itu, terdapat pengeluar menggunakan pembungkusan yang berlebihan atau 'overpackaging' untuk membungkus produk keluaran mereka. Ini bermakna penggunaan pembungkusan yang lebih dari satu untuk membungkus sesuatu produk. Cara pembungkusan ini tidak digalakkan walaupun ia mampu memberi perlindungan dan meningkatkan imej produk kerana mengakibatkan pembaziran. Namun demikian, semakin ramai pengeluar produk membungkus produk mereka dengan cara yang berlebihan ini adalah untuk menghasilkan satu pembungkusan yang lebih baik dan menarik serta berkualiti kepada produk yang dibungkus. Contohnya yang biasa kita lihat adalah pembungkusan biskut, makanan ringan, coklat dan sebagainya. Oleh yang demikian, pengeluar perlu mengetahui cara pembungkusan 'overpackaging' ini hanya akan menyebabkan pembaziran dan meningkatkan kos pengeluaran. Dengan itu, harga jualan kepada produk juga akan mahal dari harga yang sepatutnya. Pembungkusan ini juga akan menyebabkan masalah pencemaran alam sekitar seperti pembakaran, pembuangan dan lain- lain serta menyebabkan ketidakseimbangan ekosistem.

6. Produk Tempe

Tempe adalah makanan yang dibuat daripada kacang kedelai atau kacang soya. Tempe kaya dengan serat, kalsium, vitamin B dan zat besi. Tempe rasanya agak masam sedikit. Proses penapaian membolehkan tempe banyak zat dan komponen rasa yang tidak terdapat dalam tauhu. Tempe bermula dengan kacang soya mentah, yang dilembutkan dan dipecahkan atau dihancurkan. Asid lemah, biasanya cuka ditambah dan ibu yang mengandungi kulat *Rhizopus Oligosporus* dicampurkan bersama. Kacang soya tersebut kemudiannya diratakan dalam lapisan nipis dan dibiarkan menapai selama 24 jam pada suhu sekitar 30 darjah C. Tempe ini telah ditemui pada 1875 dalam kamus Jawa- Belanda. Dalam manuskrip Serat Centhini yang ditulis pada abad ke-16.

Tempe boleh dimakan begitu sahaja setelah di goreng, dimasak sambal pedas dan dimakan dengan nasi. Ia adalah sejenis makanan yang lembut dan rasanya agak lemak dan bagi penggemar makanan tempe ini adalah enak digoreng dicicah bersama- sama cili sos.

7. Rekabentuk Pembungkusan Produk Tempe

Pembungkusan produk tempe yang terdapat dipasaran sekarang adalah dibungkus didalam plastik dan daun pisang atau suratkhbar. Rekabentuk pembungkusan dalam daun nampak lebih tradisional kerana jarang kita melihat pembungkusan makanan dalam daun tapi kini ia sukar ditemui kerana ia telah dibungkus di dalam plastik. Perbezaan produk tempe yang dijual di dalam daun ini jika di Sarawak ia dibungkus secara memanjang di dalam daun pisang dijual dengan harga RM 1 manakala di Semenanjung pula ia dibungkus kecil-kecil dan dijual antara RM 1 atau RM 1.20 bagi 4 bungkus.